

21/10/2003

Pengalaman ajar kita tangkis sikap Barat

SIKAP berat sebelah Barat terhadap negara membangun dan dunia ketiga, tidak mudah lagi disembunyikan di bawah permaidani. Dalam kebanyakan hal, sikap ini dilakukan terang-terang dengan pelbagai cara. Matlamat Barat adalah jelas iaitu menimbulkan keraguan antarabangsa mengenai kewibawaan pemerintahan negara ini. Ada kalanya mereka cuba mendapatkan simpati rakyat dengan memperalatkan pemimpin parti pembangkang yang sememangnya rela dijadikan habuan Barat. Dengan ini mereka boleh mencari alasan yang sah untuk campur tangan dalam apa juga isu yang mereka cipta. Mereka dengan mudah mempersoalkan dasar negara kononnya bertentangan dengan standard antarabangsa, sikap kerajaan yang bercanggah dengan prinsip hak asasi manusia, isu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang dilihat dari kaca mata mereka sebagai penindasan, isu undang-undang dan sebagainya. Ada kalanya, mereka juga cuba memutar belitkan kenyataan pemimpin negara sebagaimana berlaku kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu Yahudi sewaktu merasmikan sidang Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, Khamis lalu.

Jika boleh mereka mahu campur tangan dalam urusan pentadbiran kerajaan dan negara dengan membandingkan prinsip yang dicipta di Barat tanpa sedikit pun mengambil kira budaya, nilai dan hasrat rakyat negara. Mereka sering memerhati keadaan di negara ini dan segera menerpa untuk mengambil kesempatan jika berlaku sesuatu peristiwa atau isu yang boleh mereka jadikan landasan untuk campur tangan. Media asing dijadikan mata dan telinga Barat untuk mengeruhkan keadaan.

Walaupun sudah banyak teguran dibuat, tindakan itu sedikit pun tidak mengubah sikap Barat. Malah, mereka terus mencipta pelbagai tekanan yang berunsur penindasan menerusi perbuatan, peranan dan dasar sama ada berkaitan ekonomi, alam sekitar dan hak asasi manusia. Sebagaimana dijelaskan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Malaysia tidak boleh memandang ringan sikap Barat ini kerana ia boleh memberi kesan buruk kepada masa depan rakyat dan negara. Tindakan paling asas ialah menguatkan diri sendiri supaya apa juga tindakan dapat dibendung serta-merta. Jika Barat cuba mengeksploitasi ekonomi, ia boleh diatasi dengan kekebalan ekonomi negara. Tindak balas segera perlu dijalankan sebelum ia memberi kesan memudaratkan.

Jika mereka cuba mengelirukan pandangan antarabangsa, kerajaan perlu menangkisnya dengan menyalurkan maklumat yang tepat mengenai negara ini. Malaysia mempunyai pengalaman yang cukup bermakna ketika menghadapi `serangan' peniaga Barat yang memanipulasi mata wang negara pertengahan 1990-an lalu. Kerajaan tidak boleh membiarkan mereka terus menerus mengambil kesempatan dan mengeksploitasi keadaan. Jika negara lemah, ia boleh menyebabkan keadaan menjadi kucar kacir dan mereka mudah menakluki negara ini.